



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KP(BPSH-SPDK)200/005/01/Jld.4(2)
Tarikh : 20 Mac 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2012**

**PANDUAN PELAKSANAAN AUTONOMI PEMILIHAN MURID SEKOLAH BERPRESTASI
TINGGI (SBT)**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13 Tahun 2010, KP(BPSH-SPDK)201/005/01/Jld.3(6) bertarikh 14 Oktober 2010 berhubung Pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi. Perkara 4.4 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi yang disertakan bersama surat pekeliling berkenaan menyatakan bahawa:

"SBT boleh melaksanakan autonomi dalam pemilihan murid sebanyak 20 peratus (%). Autonomi ini membolehkan sekolah memilih dan menentukan jumlah kemasukan murid serta saiz kelas."

2. Sehubungan itu, surat siaran ini bertujuan menerangkan dengan lebih terperinci pelaksanaan dan pengoperasian autonomi pemilihan murid di SBT. Pelaksanaan autonomi pemilihan murid ke SBT ini hendaklah bersekali dengan kaedah pelaksanaan dan/ atau peraturan sedia ada bagi penempatan murid.

3. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Autonomi Pemilihan Murid Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) untuk makluman dan tindakan Y.Bhg. Datuk / Tuan/ Puan.

4. YBhg Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HAJI SUFA'AT BIN TUMIN)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia.

s.k.:

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUTONOMI PEMILIHAN MURID SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT)

1. PELAKSANAAN AUTONOMI UNTUK PEMILIHAN MURID SEBANYAK 20 PERATUS (%) KE SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT)

1.1 PENGENALAN

Pelaksanaan autonomi pemilihan murid ini memberi peluang kepada Pengetua dan Guru Besar Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) untuk memilih murid yang dapat membantu meningkatkan kecemerlangan sekolah dalam bidang akademik, kokurikulum serta mengekalkan etos dan watak SBT. Autonomi pemilihan murid juga bermakna Pengetua, Guru Besar, guru dan warga sekolah perlu mempunyai akauntabiliti terhadap keputusan dalam pengurusan sekolah. Justeru, autonomi pemilihan murid sebanyak 20% ke SBT memberi ruang kepada SBT untuk memilih murid yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan sekolah dalam semua bidang.

1.2 PENUBUHAN PANEL PEMILIHAN MURID DI SBT

1.2.1 Bagi melaksanakan proses pemilihan murid sebanyak 20% ke SBT, satu Panel Pemilihan Murid (PPM) perlu dibentuk terlebih dahulu di peringkat sekolah yang akan bertanggungjawab sepenuhnya atas pelaksanaan autonomi ini.

1.2.2 Panel Pemilihan Murid ini harus sentiasa berhubung dan bekerjasama dengan pihak yang bertanggungjawab dan berkepentingan dalam menguruskan penempatan murid seperti Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia.

- 1.2.3 PPM perlu mengamalkan tahap integriti yang tinggi bagi memastikan pemilihan murid yang dilakukan adalah menepati kriteria yang ditetapkan.
- 1.2.4 Ahli jawatankuasa PPM hendaklah terdiri daripada:
- (a) Pengetua/Guru Besar SBT sebagai **Pengerusi Panel Pemilihan**;
 - (b) Guru Penolong Kanan Pentadbiran SBT;
 - (c) Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SBT;
 - (d) Guru Penolong Kanan Kokurikulum SBT;
 - (e) Sekurang-kurangnya seorang Guru Kanan Mata pelajaran/Ketua Panitia bagi SBT yang ingin memilih murid dalam bidang kebitaraan akademik; **ATAU**
 - (f) Sekurang-kurangnya seorang guru penasihat kelab/jurulatih sukan bagi SBT yang ingin memilih murid dalam dalam bidang kebitaraan sukan dan kokurikulum; dan
 - (g) Yang Dipertua PIBG sekolah sebagai **pemerhati**.
- 1.2.5 Antara fungsi PPM adalah:
- (a) Menentukan syarat dan kriteria pemilihan murid;
 - (b) Membuat tinjauan dan mengenal pasti murid yang berpotensi untuk dipilih;
 - (c) Melaksanakan proses pemilihan seperti ujian aptitud, temuduga, ujian kecergasan dan sebagainya;
 - (d) Menyelaras dengan pihak yang bertanggungjawab dan berkepentingan dalam menguruskan penempatan murid seperti Pejabat Pelajaran Daerah/ Jabatan Pelajaran Negeri/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan jumlah 20% murid yang akan dipilih; dan

- (e) Menghantar senarai murid yang telah dipilih kepada pihak bertanggungjawab yang melaksanakan penempatan murid untuk proses selanjutnya.

1.3 MEKANISME PELAKSANAAN

Pengoperasian autonomi pemilihan murid di SBT dapat dikategorikan dalam lima (5) kelompok berdasarkan kategori sekolah dalam SBT iaitu:

1.3.1 KATEGORI 1: Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang diiktiraf sebagai SBT (SBP-SBT)

- (a) Pemilihan murid ke SBP yang diiktiraf sebagai SBT perlu mengikut dasar pemilihan dan penempatan murid ke SBP selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penggal Persekolahan (JPP) 2009 pada 24 November 2008;
- (b) Dasar Pengambilan Murid ke SBP sedia ada telah memberikan autonomi kepada Pengetua untuk memilih 20% murid ke Tingkatan Satu (1) mengikut kebitaraan di SBP masing-masing. Justeru kaedah pemilihan yang sedia ada perlulah diteruskan dengan memberi fokus kepada perkembangan akademik, kokurikulum serta etos dan watak SBP-SBT;
- (c) Bagi SBP-SBT yang menawarkan kemasukan hanya bermula di tingkatan empat (4), autonomi pemilihan murid sebanyak 20% juga boleh dilaksanakan oleh pengetua dengan mengguna pakai syarat-syarat kemasukan ke SBP sedia ada;

- (d) Pengetua bersama-sama dengan Panel Pemilihan Murid boleh melaksanakan proses pemilihan murid sebanyak 20% dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti ujian dan temuduga;
- (e) Perkara asas yang perlu disediakan oleh Panel Pemilihan Murid adalah syarat dan kriteria pemilihan mengikut etos, watak dan kebitaraan masing-masing (syarat pemilihan dan pengambilan murid SBP mesti dipatuhi); dan
- (f) Senarai murid yang telah dipilih oleh Panel Pemilihan Murid untuk kemasukan ke SBP-SBT perlu diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK) untuk proses penempatan yang selanjutnya.

1.3.2 KATEGORI 2: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang diiktiraf sebagai SBT (SMKA-SBT)

- (a) Pemilihan murid ke SMKA yang telah diiktiraf sebagai SBT perlu mengikut syarat dan kriteria pemilihan murid ke SMKA sedia ada seperti dinyatakan dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2010: Pelaksanaan Dasar Pengambilan dan Pertukaran Murid Sekolah Menengah Agama (SMKA) dan Kelas Aliran Agama* bertarikh 20 Januari 2010 Rujukan: KP(BPSH-SPDK)201/005/01/ (39);
- (b) Panel Pemilihan Murid di SMKA-SBT boleh memilih sebanyak 20% daripada jumlah murid bagi kemasukan ke Tingkatan Satu (1) dan Tingkatan Empat (4) berasaskan kriteria yang ditentukan oleh Panel Pemilihan Murid. Kriteria ini perlu menjadi kriteria tambahan kepada syarat dan kelayakan yang sedia ada seperti yang dinyatakan dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas 3/2010*. Kriteria

tambahan ini perlu menyokong kepada perkembangan etos dan watak sekolah; dan

- (c) Senarai 20% murid yang telah dipilih untuk kemasukan ke SMKA-SBT harus diserahkan kepada Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing untuk proses penempatan yang selanjutnya.

1.3.3 KATEGORI 3: Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang diiktiraf sebagai SBT (SABK-SBT)

- (a) Pemilihan murid ke SABK yang telah diiktiraf sebagai SBT perlu mengikut syarat dan kriteria pemilihan murid ke SABK sedia ada seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Yayasan Negeri/Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri atau mana-mana badan yang menyelia SABK tersebut;
- (b) Panel Pemilihan Murid di SABK-SBT boleh melaksanakan autonomi pemilihan murid dengan memilih sebanyak 20% permohonan kemasukan ke SABK-SBT untuk tahun kemasukan ke tingkatan satu (1) dan tahun kemasukan ke tingkatan empat (4) terlebih dahulu;
- (c) Pemilihan yang dilakukan perlu berdasarkan kriteria yang ditentukan sendiri oleh Panel Pemilihan Murid di SABK-SBT tersebut. Kriteria-kriteria ini perlu menjadi kriteria tambahan kepada syarat dan kelayakan sedia ada yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/Yayasan/Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri atau mana-mana badan yang menyelia SABK tersebut; dan
- (d) Senarai 20% murid yang telah dipilih oleh Panel Pemilihan Murid di SABK-SBT harus diserahkan kepada Jabatan Pelajaran

Negeri/Yayasan/Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri atau mana-mana badan yang menyelia SABK tersebut untuk proses penempatan yang selanjutnya.

1.3.4 KATEGORI 4: Sekolah Menengah Harian yang diiktiraf sebagai SBT (SM-SBT)

- (a) Pemilihan murid ke sekolah menengah harian pada dasarnya bergantung kepada sekolah *feeder* dan lokaliti murid;
- (b) Panel Pemilihan Murid di SM-SBT boleh melaksanakan pemilihan murid dengan memilih sebanyak 20% daripada jumlah enrolmen ke Tingkatan Satu (1) dan Tingkatan Empat (4) terlebih dahulu;
- (c) Panel Pemilihan Murid perlu menetapkan kriteria terlebih dahulu selaras dengan keperluan SM-SBT tersebut (sama ada keperluan kokurikulum atau etos dan watak sekolah);
- (d) Panel Pemilihan Murid hendaklah memaklumkan kriteria-kriteria ini kepada PPD/JPN agar keutamaan pemilihan bagi murid-murid yang memenuhi kriteria tersebut dapat dilaksanakan ke SM-SBT tersebut;
- (d) Senarai 20% murid yang telah dipilih harus diserahkan kepada PPD/JPN untuk proses penempatan yang selanjutnya;
- (e) SM-SBT juga digalakkan untuk mengiklankan kemasukan ke SBT dengan menasaskan murid yang boleh menyokong kepada perkembangan akademik, kokurikulum, etos dan watak SBT; dan
- (f) Bagi SM-SBT berstatus sekolah mubaligh, autonomi untuk memilih 20% haruslah dibuat bersekali dengan kuota pemilihan murid sebanyak 10% yang diberi kepada Lembaga Pengelola Sekolah

seperti yang dinyatakan dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2011: Pemberian Kuota 10 peratus untuk Pemilihan dan Penempatan Murid ke Sekolah Mubaligh kepada Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah Mubaligh* bertarikh 18 Mac 2011 Rujukan KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld. 3 (19).

1.3.5 KATEGORI 5: Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan yang diiktiraf sebagai SBT (SK-SBT dan SJK-SBT)

- (a) Autonomi pemilihan murid ke SK dan SJK yang berkategori SBT perlu mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003*. Bagi SK-SBT atau SJK-SBT yang berstatus sekolah mubaligh, mereka juga perlu mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2011 Pemberian Kuota 10 peratus untuk Pemilihan dan Penempatan Murid ke Sekolah Mubaligh kepada Lembaga Pengelola Sekolah-sekolah Mubaligh*;
- (b) Bagi memberi peluang kepada murid-murid di luar lokaliti tetapi masih berada di dalam zon/ daerah yang sama untuk mendapat peluang ke SK-SBT dan SJK-SBT, pihak sekolah boleh melaksanakan ujian saringan terlebih dahulu;
- (c) Ujian ini perlu dilaksanakan sebelum proses penempatan untuk murid tahun satu dilakukan; dan
- (d) Panel Pemilihan Murid perlu menghantar senarai nama murid yang terpilih ke PPD/ PPW atau JPN untuk proses penempatan selanjutnya.

2. PELAKSANAAN AUTONOMI PEMILIHAN MURID DARI ASPEK MELULUS PERTUKARAN MASUK MURID KE SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

2.1 PENGENALAN

Pelaksanaan autonomi pemilihan murid ke SBT juga diperluas kepada aspek pertukaran masuk murid ke SBT.

2.2 MEKANISME PELAKSANAAN

- 2.2.1 Pengetua atau Guru Besar mempunyai autonomi untuk memilih dan meluluskan pertukaran masuk murid ke SBT.
- 2.2.2 Aspek autonomi pemilihan murid ini memberi peluang kepada Pengetua (selain daripada Pengetua SBP-SBT) dan Guru Besar untuk mengesahkan dan menyokong permohonan pertukaran murid masuk ke SBT sekiranya terdapat pilihan sekolah lain di kawasan tersebut.
- 2.2.3 Pertukaran masuk murid ke SBT haruslah dilihat sebagai usaha untuk menyokong perkembangan akademik, kokurikulum serta etos dan watak SBT tersebut.
- 2.2.4 Setiap permohonan pertukaran masuk ke SBT perlu dinilai dengan adil dan sebarang penolakan permohonan pertukaran masuk perlu disertakan dengan sebab yang munasabah.

3. PELAKSANAAN AUTONOMI PEMILIHAN MURID DALAM MENETAPKAN ENROLMEN OPTIMUM DI SBT

3.1 PENGENALAN

Cadangan penambahbaikan terakhir yang menyokong hasrat pelaksanaan autonomi pemilihan murid di SBT adalah penetapan satu jumlah enrolmen optimum. Penetapan jumlah enrolmen yang optimum dapat menyokong kepada pembentukan saiz kelas sehingga 30 orang murid.

3.2 MEKANISME PELAKSANAAN

3.2.1 Pengetua atau Guru Besar boleh menetapkan satu jumlah enrolmen optimum yang telah dipersetujui untuk setiap kelas.

3.2.2 Namun penetapan enrolmen yang optimum ini haruslah diputuskan oleh Pengetua atau Guru Besar SBT bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan dalam menguruskan pengambilan murid (seperti Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan Bahagian-bahagian di KPM).